Tambahan ruangan Abu al-Mokhtar:

Penyedap makanan Ajinomoto

Muhammad bin Muhammad Ali, Batu Enam Bukit Timah Singapura bertanya:

Ada seorang sahabat saya datang dari Indonesia. Ia hairan melihat orang-orang Islam di sini membeli Ajinomoto. Ia menyatakan kepada saya bahawa Ajinomoto di Indonesia orang-orang Islam tidak dibenarkan memakannya sebab di dalamnya khabarnya ada bercampur dengan tulang babi atau pun zat-zat daripada babi. Apa betulkah demikian ini?

Jawab: Sepanjang yang disampaikan kepada kita, dikatakan ada seorang doktor Cina di Indonesia menyatakan di hadapan umum bahawa Ajinomoto tidak boleh dimakan oleh orang-orang Islam sebab di dalamnya ada zat-zat yang diambil daripada babi sedang babi adalah diharamkan oleh Islam memakannya.

Kita belum sempat menyiasat lebih lanjut dalam hal ini tetapi sekiranya perkara ini benar maka adalah mustahak bagi umat Islam berhati-hati di dalam hal ini.

Supaya umat Islam dapat ketentuannya yang sebenar-benarnya maka molek benar pertubuhan-pertubuhan Islam, seperti Majlis Penasihat Islam atau Jam‘iyyah atau seumpamanya mengadakan penyiasatan yang lebih lanjut di dalam hal ini umpamanya seperti menghantarkan barang itu ke dalam Jabatan Penyiasatan Kerajaan supaya dapat ditentukan benar tidaknya perkara ini.

Orang-orang awam, adalah wajib dijaga dan dikawal daripada perkara ini sebab sekiranya benar maka tak dapat tiada orang-orang awam akan terkeliru dan tersesat.

Abu al-Mokhtar.

Aisyah : al-Ṣadiqah binti al-Ṣiddiq

Riwayat hidup Sītī ‘Ā’ishah Ummu al-Mu’minīn ialah suatu riwayat yang indah dan menarik, buah kalam pujangga Arab yang terkenal. ‘Abbās Mahmud al-‘Aqqād.

Buku yang berharga ini menggambarkan sifat isteri Rasulullah menjadi contoh utama sebagai seorang guru, sebagai seorang pendidik, sebagai seorang isteri yang setia, dan sebagai seorang ratu “rumah tangga” dalam ertikata yang sebenar-benarnya.

Sangat penting dibaca oleh segala peringkat, terutama oleh wanita-wanita Islam.

2 penggal tamat. Harga sepenggal $1.00 sahaja, belanja mengirimnya 10 sen.

Pesanlah kepada penerbitnya:

Qalam, Singapura